

ABSTRACT

This research is concerned with the study of lexical errors found in the written compositions of fifty upper secondary Malay learners of English in an urban school namely, SMK Buyong Adil, Tapah, Perak. The study aims to investigate the types of lexical errors produced by the Malay learners. This study also attempts to explain the possible causes of the lexical errors in terms of intralingual and interlingual errors. The lexical errors are analysed by means of error analysis hypothesis based on the work of Richards (1974) , Corder (1981) and James (1998) among others. The classification of the types of lexical errors used in this study are mainly adapted from the lexical classification proposed by James (1998). The study reveals that the learners' lexical errors can be classified into 2 main categories namely, intralingual errors and interlingual errors. From the analysis of the data it is found that the highest percentage of errors is attributable to intralingual errors with 66.13 % of the total number of lexical errors. Interlingual errors are accountable for 33.87 %. The findings of this study show inherent difficulties the second language poses as the learners' main obstacle in acquiring the English language. The most frequent intralingual errors are those resulting from confusion of sense relations. The other contributory factor to learners' lexical errors is the interference of the mother tongue, that is the Malay language. The majority of the interlingual errors are the results of literal translation of the mother tongue. It is hoped that the results of this study would contribute to the further understanding of the difficulties faced by second language Malay learners of English in acquiring English lexis.

ABSTRAK

Penyelidikan ini mengkaji kesilapan leksikal yang diperolehi daripada 50 karangan bertulis hasil kerja 50 orang pelajar Melayu menengah atas yang mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di SMK Buyong Adil, Tapah. Perak . Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis kesilapan leksikal yang dibuat oleh pelajar Melayu berkenaan. Penyelidikan ini juga bertujuan untuk menghuraikan punca-punca kesilapan leksikal dari aspek 'intralingual' dan 'interlingual'. Kesilapan leksikal dikaji berdasarkan pendekatan hipotesis analisis kesilapan yang dipelopori oleh Corder (1974), Richards (1981) dan James (1998). Dalam penyelidikan ini, kesilapan leksikal pelajar Melayu berkenaan dikategorikan mengikut klasifikasi yang diadaptasi daripada klasifikasi leksikal yang diutarakan oleh James (1998). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesilapan leksikal tersebut boleh dibahagikan kepada 2 kategori utama iaitu 'intralingual errors' dan 'interlingual errors'. 'Intralingual errors' mencatat peratus tertinggi iaitu 66.13 %. Bagi 'interlingual errors' peratus yang dicatat ialah sebanyak 33.87 %. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kesukaran memahami struktur dan sistem bahasa kedua, iaitu Bahasa Inggeris merupakan punca utama pelajar melakukan kesilapan leksikal. Jenis yang terbanyak diantara kesilapan "intralingual" ialah "confusion of sense relations". Pengaruh bahasa ibunda, Bahasa Melayu juga menyumbang kepada kesilapan leksikal yang dibuat oleh pelajar berkenaan. Jenis kesilapan yang terbanyak di antara kesilapan "interlingual" ialah hasil daripada terjemahan secara langsung daripada Bahasa Melayu. Adalah diharapkan dapatan kajian ini akan membantu golongan guru khususnya dalam memahami kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai bahasa kedua.